

Rujukan: Jadual Jumlah Tuntutan Gantirugi Biasiswa/Hadiah Latihan Persekutuan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi

KADAR PENETAPAN HARGA DAN KADAR DISKAUN BAGI BUKU-BUKU TERBITAN PENERBIT UPSI SERTA KAEDAH PEMBAYARAN ROYALTI

1.0 KUANTITI NASKHAH SERANTA

- 1.1 Naskhah seranta 5% daripada jumlah cetak bagi buku terbitan baru.
Contoh: 5% X Jumlah cetak
5% X 500 naskhah = 25 naskhah sebagai naskhah seranta
- 1.2 Pembahagian naskhah seranta adalah percuma dan diagihkan seperti berikut :-
- 1.2.1 5 naskhah kepada penulis (wajib)
 - 1.2.2 5 naskhah kepada Perpustakaan Negara (wajib)
 - 1.2.3 **Selebihnya** digunakan untuk tujuan promosi (VIP, pengedar buku, iklan di akhbar dan sebagainya)

2.0 PENETAPAN HARGA DAN KEUNTUNGAN JUALAN BUKU

- 2.1 Penetapan harga buku mengikut kadar margin per kos percetakan adalah seperti berikut :-

	Buku Baru	Buku Sedia Ada
Buku dengan royalti	2.7	3.3
Buku tanpa royalti	2.0	3.0

- 2.2 Pembahagian keuntungan senaskhah **BUKU BARU dengan royalti** jika harga jualan buku adalah RM27.00 sebuah :-

Butiran	Kadar	RM
Diskaun kepada pengedar	40%	RM10.80
Pembayaran Royalti	15%	RM 4.05
Kos cetak	37%	RM10.00
Untung Penerbit	8%	RM 2.15
Jumlah	100%	RM27.00

- 2.3 Pembahagian keuntungan senaskhah **BUKU BARU tanpa royalti** jika jualan buku RM25.00 sebuah :-

Butiran	% keuntungan	RM
Diskaun kepada pengedar	40%	RM10.00
Kos cetak	40%	RM10.00
Untung Penerbit	20%	RM 5.00
Jumlah	100%	RM25.00

3.0 KADAR DISKAUN

3.1 Buku Baru

Jenis Pelanggan	Kadar Diskaun
Pelajar	15%
Pensyarah/ kakitangan UPSI	20%
Penulis	30%
Pengedar biasa	40%
Ahli MAPIM yang menjual buku Penerbit UPSI di galeri setiap penerbit	40%
Pengedar (tender khas, Perpustakaan Negara Malaysia)	50%
Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)	20%
Ahli Jawatankuasa Penerbitan UPSI (JP-UPSI) - sebuah buku setiap judul	50%
Jualan Promosi/ Jualan semasa pameran/ pesta buku	20%
Buku-buku yang tidak terjual yang melebihi 5 tahun selepas diterbitkan	70%